



Jurnal Intelek

URDC UiTM Perlis

Volume 3 No. 1

January 2005

ISSN 1675-9885

The Effect of Slicing JPEG File on the
Web Page Download Time

Fakhrul Hazman Yusoff
Anita Mohd Yasin
Roizianawaty Osman

Study of Nickel Coating on Clay Ceramic Body

Saidatulakmar
Shamsuddin
Baharuddin Wanik
Ahmad Fauzi Mohd Noor
Zainal Afiffin Ahmad

An Exploratory Analysis of Organizational Citizenship
Behaviour Factor Structure in a Malaysian Context

Shaiful Anuar Khalid
Hassan Ali

Pengurusan Sumber Perikanan Secara 'Co-Management':
Kajian Kes di Kedah dan Perlis

Jamal Ali
Ahmad Mahzan Ayob

Pembinaan Penderia pH Gentian Optik Pintar Berasaskan
Reagen Terpegun dan Rangkaian Neural Tiruan (ANN)

Faiz Bukhari Mohd Suah
Abdul Mutalib Md Jani
Mohd Nasir Taib

Entrepreneurs: Challenges and Expectations

Normah Ahmad

Is Traditional Budgeting Still Relevant?

Rosiatimah Mohd Isa

Proses Evolusi Seorang Guru

Naginder Kaur a/p Surjit Singh

Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan
di Mahkamah Syariah Perlis

Che Latifah Hj. Ismail

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man)
dalam Perbahasan Ekonomi Islam

Basri Abd. Ghani

JURNAL INTELEK

(A Publication of Unit for Research, Development and Commercialisation,
UiTM Perlis)

Editorial Committee

Chairman: Associate Prof Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman

Editor-in-chief: Associate Prof. Dr. Mahadzir Hj Din

Sarina Muhamad Noor	Yazid Mohd. Esa
Mohd Asri Mohd Noor	Hasnun Nita Ismail
Intan Marzita Saidon	Khairul Anwar Sedek

Reviewers

The people listed here have worked jointly with the editorial committee by devoting their time and specialized knowledge in reviewing a substantial number of manuscripts submitted to Jurnal Intelek between January 2005 and April 2005.

Assoc. Prof. Alias Ramli (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Hamidi Abd Hamid (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Khudzir Hj Ismail (UiTM)
Dr. Hj. Mohd Arshad Mohd Taib
Prof. Dr. Rosna Awang Hashim (UUM)
Assoc. Prof. Dr. Mazani Manaf (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Kamil Md. Idris (UUM)
Mr. David S. Levins (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Saadiah Muhamad (UiTM)
Dr. Ghafarullahuddin Hj Din (UiTM)

Aims of the journal - *Jurnal Intelek* is a refereed journal published bi-annually in May and November each year. The journal which publishes original articles based on a broad general area, serves as a platform for scholars to disseminate information and latest findings on various research areas for the benefits of the public.

© *Jurnal Intelek* is jointly published by the Unit for Research, Development and Commercialisation (URDC), Universiti Teknologi MARA Perlis and Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the Faculty or the University.

Jurnal Intelek

Volume 3 No. 1
January 2005
ISSN 1675-9885

- | | |
|--|-----|
| 1. The Effect of Slicing JPEG File on the Web Page Download Time | 1 |
| Fakhrul Hazman Yusoff
Anita Mohd Yasin
Rozianawaty Osman | |
| 2. Study of Nickel Coating on Clay Ceramic Body | 11 |
| Saidatulakmar Shamsuddin
Baharuddin Wanik
Ahmad Fauzi Mohd Noor
Zainal Afiffin Ahmad | |
| 3. An Exploratory Analysis of Organizational Citizenship Behaviour Factor Structure in a Malaysian Context | 21 |
| Shaiful Anuar Khalid
Hassan Ali | |
| 4. Pengurusan Sumber Perikanan Secara 'Co-Management': Kajian Kes di Kedah dan Perlis | 35 |
| Jamal Ali
Ahmad Mahzan Ayob | |
| 5. Pembinaan Penderia pH Gentian Optik Pintar Berasaskan Reagen Terpegun dan Rangkaian Neural Tiruan (ANN) | 51 |
| Faiz Bukhari Mohd Suah
Abdul Mutalib Md Jani
Mohd Nasir Taib | |
| 6. Entrepreneurs: Challenges and Expectations | 69 |
| Normah Ahmad | |
| 7. Is Traditional Budgeting Still Relevant? | 75 |
| Rosiatimah Mohd Isa | |
| 8. Proses Evolusi Seorang Guru | 85 |
| Naginder Kaur a/p Surjit Singh | |
| 9. Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan di Mahkamah Syariah Perlis | 95 |
| Che Latifah Hj. Ismail | |
| 10. Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam | 107 |
| Basri Abd. Ghani | |

Call for Paper

Jurnal Intelek – Guidelines on Submission of Manuscripts

1. Author(s) should submit four copies of the full manuscripts (one original, and three duplicate sets with the name of author(s), affiliation, mailing/e-mail address and telephone/fax number masked out).
2. All manuscripts should be double-spaced, without pagination on only one side of A4 size paper with 1.5", 1.0", 2.0" and 1.0" margins from the top, bottom, left and right respectively; preferably on Microsoft Word. However, page number should be written in pencil at the bottom right corner of each page. Sections should be numbered and titled as 1.0, 2.0, etc, and subsections should be numbered and titled as 1.1, 1.2, 1.3, 2.2, 2.2.1, etc.
3. The length of the manuscripts should not exceed 5000 words (not exceeding 10 pages including illustrations and tables). An abstract of between 100 and 200 words should also be included.
4. A figure or photo should be labelled as "Fig.," and a table with "Table" and must be assigned an Arabic numeral as figure number or table number. The figure number and title should be placed below the figure, whereas the table number and title should be placed on top of the table. All illustrations and tables should be in the middle of the page between the left and right margin.
5. Author(s) are responsible for obtaining permission to use any published material. The publisher shall not be held responsible for the use of such material. It is also the responsibility of the author(s) to check the accuracy of the data, references and statements.
6. The reference list should be arranged in alphabetical order following the APA style (5th Edition) and should include only works cited in the text. Examples:

Berndt, T. J. (1999). Friends' influence on students' adjustment to school. *Educational Psychologist*, 34, 15-28.

Bishop, A. J. & Whitfield, R. C. (1982). *Situations in teaching*. London: McGraw-Hill.

Heath, S. B. (1989). The learner as culture member. In M. L. Rice & R. L. Schiefelbusch, (Eds.), *The teachability of language*. (pp. 333-350). Toronto: Paul H. Brookes.

Kenneth, I. A. (2000). A Buddhist response to the nature of human rights.

Journal of Buddhist Ethics, 8(4). Retrieved February 20, 2004, from <http://www.cac.psu.edu/jbe/twocont.html>

7. It is a condition of publication that manuscripts submitted to the journal have not been published, accepted for publication nor simultaneously submitted to the journal for publication elsewhere. By submitting a manuscript, the author(s) agree that copyright of the article is transferred to the publisher if and when the manuscript is accepted for publication.
8. Author(s) will receive three copies of the issue of the journal in which their article is published. These will be given only to the first-named author of co-authored articles.
9. The editors reserve the rights to edit/format the manuscripts to maintain a consistent style.
10. Manuscripts and enquiries should be sent to: The Editor, Jurnal Intelek, Unit for Research, Development and Commercialisation (URDC), Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Arau, 02600 Perlis, MALAYSIA. (mbhd@perlis.uitm.edu.my)

Proses Evolusi Seorang Guru

Naginder Kaur a/p Surjit Singh

Evolusi guru ialah suatu proses yang berterusan, sejak permulaan kerjaya guru sehingga ke akhir tempoh perkhidmatan pendidikan. Melalui proses ini, guru melalui berbagai tahap perubahan persepsi mengenai berbagai perkara seperti persepsi mengenai pengajaran, hubungan guru-murid dan pengurusan bilik darjah. Semasa mengambil tindakan, guru berkemungkinan sangsi dan kurang yakin akan kesahihan keputusan dan tindakan yang diambilnya. Justeru, berbagai konflik dan tension dihadapi sepanjang masa. Untuk mengatasi keadaan berkonflik dan memastikan perjalanan seorang guru melalui arus yang lebih rata, peringkat latihan guru boleh memainkan peranan untuk membimbing guru menjalani proses evolusi yang mantap melalui beberapa pendekatan seperti mewujudkan hubungan mentor-mentee, reflective practicum, pengetahuan sains politik dan perkongsian kuasa. Proses evolusi ini benar-benar mantap dan matang apabila guru mendapat pengetahuan isi kandungan pedagogi yang secukupnya dan dapat menyimpulkan teori tersendiri dalam pengajarannya sebagai seorang yang bergelar pendidik.

Pengenalan

Setiap orang yang mengajar sekumpulan anak-murid boleh bergelar guru, namun pendidik hanyalah insan yang benar-benar dapat menghayati proses evolusi seorang guru serta menerajui dirinya melalui liku-liku yang dilalui. Iktibar yang diperoleh melalui pengalaman yang ditempuh membolehkan guru mencari makna tersendiri di dalam usahanya untuk menjadi seorang pendidik. Ini kerana pendidik yang sebaiknya ialah individu yang bukan sahaja mendidik minda dan mengembangkan budaya golongan yang diajar, malah seorang yang berusaha sepanjang masa untuk mendidik minda, pemikiran dan cara hidup tersendiri secara introspektif. Dalam konteks ini, seorang guru melalui proses evolusi perguruan yang berterusan daripada masa mula digelar guru, sehingga ke akhir hayatnya. Proses ini mengubah persepsi guru terhadap berbagai perkara yang berkaitan kerjaya, anak-murid serta persekitarannya. Antara hasil proses evolusi guru termasuklah perubahan perspektif mengenai pengajaran, hubungan guru-murid dan pengurusan bilik darjah (Wilson & Cameron, 1996), lantaran menjadikan guru lebih matang dalam pemahamannya terhadap konsep keberkesanan guru. Peringkat akhir proses evolusi ini ialah apabila guru mencipta *pedagogical content knowledge* masing-masing. *Pedagogical content knowledge* merupakan

keseimbangan pengetahuan berkenaan isi kandungan kursus yang diajar (*content*) serta unsur-unsur pedagogi yang berkesan seperti pengurusan bilik darjah, pendekatan dan cara pengajaran dan kebolehan meningkatkan minat dan motivasi pelajar. Akhirnya, guru akan mendapat suatu teori sendiri (*personal theory*) yang difahami dan boleh diaplikasi olehnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mengikut kehendak dan keperluan setempat. Namun, proses yang dilalui untuk menjadi seorang pendidik amat rumit dan penuh gelora, lagi mencabar serta melalui berbagai arus.

Perspektif Mengenai Pengajaran

Pada peringkat awal latihan guru, seorang guru pelatih berkemungkinan mempunyai pandangan yang berpaksikan guru (*teacher-centred*) mengenai pengajaran. Bagi kebanyakan guru, melalui pengalaman, persepsi ini akan beransur-ansur berubah kepada *pupil-centred*, iaitu dengan mengambil kira keperluan pelajar untuk mencapai kemahiran kognitif. Guru-guru yang mantap ini tidak lagi menganggap kemahiran dan pengetahuan mereka semata-mata sebagai penentu kejayaan sesuatu proses pembelajaran. Ini kerana tidak ada sebarang cara pengajaran yang khusus yang boleh dipakai guna di dalam semua konteks sebagai formula atau penawar untuk melahirkan guru yang berkesan. Guru perlu bertindak mengikut *milieu* dan berupaya untuk *localise and contextualise* sesuatu situasi pembelajaran, seperti konteks geografi (bandar dan luar bandar), konteks sosio-ekonomi (golongan kaya dan kurang berada), demografi, budaya, gaya pembelajaran pelajar serta pengetahuan latar, seperti yang ditekankan oleh Schon (1987):

The case is not in the book. If she [teacher] is to deal with it competently, she must do so by a kind of improvisation, inventing and testing in the situation strategies of her own devising (p. 5).

Armstrong & Savage (1998) juga melahirkan pendapat yang sama berdasarkan beberapa perbezaan yang wujud di dalam profesion perguruan itu sendiri:

Because educators work in many different settings, teach different subjects, work with diverse groups of students, and pursue a wide range of goals, principles associated with good teaching probably will never be as precisely defined and universally applicable as those in the physical sciences (p. 267).

Yates & Yates (1990) pula menekankan perlunya merangkumi *user-friendly explicit classroom instruction* di dalam proses pembelajaran yang berkesan. Ini termasuklah memiliki kemahiran *diagnostic sensitivity, review of functions, curriculum knowledge* dan lain-lain. *User-friendly instruction* juga meletakkan keperluan pelajar sebagai tumpuan melalui tindakan:

Direct cognitive guidance, supportive modelling, a relatively complete analysis of covert steps and attack strategies, error correction and extended opportunities for practice prior to being expected to think and perform at the level of a knowledgeable expert (p.239).

Dengan demikian, jelas proses evolusi yang mantap bergantung kepada keputusan dan tindakan-tindakan tepat yang diambil oleh guru di dalam sesuatu konteks yang dipertimbangkan. Namun, wujud guru yang tidak dapat bertindak mengikut arus perdana dan masih terkongkong dengan cara pengajaran yang didaktik dan kaku, yang tidak boleh dipakai guna di dalam konteks yang berbagai. Sebagai contoh, proses pendidikan di Malaysia yang berfalsafahkan integrasi nasional, pemupukan nilai-nilai sahsiah serta individu yang seimbang dalam berlainan domain perlu dijadikan landasan kukuh di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Perspektif Mengenai Hubungan Guru-Murid

Dalam soal hubungan dengan pelajar, terdapat perkembangan dari perspektif hubungan yang *personal* kepada hubungan yang lebih profesional, iaitu yang lebih menekankan hasil pengajaran. Hasil kajian Wilson & Cameron (1996) dengan guru-guru pelatih menunjukkan bahawa di akhir proses pendidikan guru, guru-guru ini:

... generally accept a managerial model of effective teaching which emphasises instructional outcomes, rather than the more humanistic perspectives with which they begin their teacher education (p.193).

Ini kerana guru-guru ini belum mengalami proses evolusi yang mantap memandangkan mereka hanya di akhir peringkat pendidikan guru dan masih di peringkat awalan untuk menyelami kejaya mereka. Apa yang penting ialah supaya guru tidak kehilangan perspektif yang bersifat *student-centred*. Justeru itu, proses evolusi yang dialami oleh guru perlu mencapai peringkat yang benar-benar matang. Guru yang seolah-olah kehilangan *humanistic touch* dan bertindak seperti seorang pengurus di bilik darjah berpandukan objektif akademik dan profesional yang telah ditentukan oleh institusi tidak mengalami evolusi dalam ertikata sebenar. Saya mendokong kesimpulan bahawa pendekatan *pupil-centred* perlu diberi perhatian dari *managerial perspectives* di dalam pembelajaran di kelas.

Keberkesanan komunikasi guru-murid juga amat bergantung kepada sejauh mana keperluan dan naluri pelajar diambil kira oleh guru. Pelajar perlu diberi hak saksama dan dilibatkan bersama di dalam proses membuat keputusan (*decision-making process*) yang dilakukan oleh guru. Dengan cara ini, guru akan dapat melakukan proses runding cara (*negotiation*) dengan pelajarnya dalam bidang pengajaran, kawalan dan hubungan secara berkesan. Menurut Friedenberg

(1973), semua kuasa dan kata putus sebenarnya berada di pihak guru dan murid tidak mempunyai sebarang kuasa. Dengan menggabungkan pengetahuan sains politik, proses runding cara antara kedua pihak ini dapat mengembangkan hubungan dua hala untuk melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif. Dalam era globalisasi ini, guru tidak boleh membuat tanggapan yang pendidikan adalah sekadar persekolahan. Sebenarnya, ia jauh melangkaui daripada perimeter ini dan merangkumi pengertian perubahan tingkah laku seorang individu. Seseorang guru harus sedar akan struktur kuasa dan hierarki, iaitu perhubungan yang wujud antara berbagai pihak yang berkuasa di dalam sesuatu organisasi. Proses runding cara yang memberi kuasa dan ekuiti kepada murid tidak bererti bahawa guru akan kehilangan autonominya sama sekali. Ini kerana seorang guru yang berkesan ialah seorang yang dapat membuat persepsi tentang sendiri yang cukup (Barrows, 1984). Guru mesti mengetahui dirinya dengan baik (*perception of self*), seperti kekuatan, kelemahan, dan gaya pengajaran tersendiri dan rasa yakin dengan kepercayaannya (*firmness in one's belief*) sebagai asas kukuh dalam hubungannya dengan murid. Jelas bahawa guru yang berkesan ialah seorang yang dapat bertindak secara fleksibel dan mewujudkan *win-win situation* di dalam hubungan manusia yang kompleks, bukan seorang yang bertindak secara *authoritative* dan memiliki kuasa mutlak di dalam hubungan guru-murid. Jika guru tidak sanggup mengubah posisinya di dalam hubungan ini, bagaimanakah kita harus bertindak untuk mengatasi gejala sosial yang kian menular di kalangan murid-murid kita? Jika murid tidak boleh menoleh kepada guru mereka sebagai tunggak untuk mendapat sokongan moral, ke manakah lagi hala tuju mereka jika tidak terjebak dengan unsur-unsur negatif yang mengancam akidah mereka?

Perspektif Mengenai Pengurusan Bilik Darjah

Kita boleh membuat perbandingan asas di antara kerjaya perguruan dengan arkitek seperti yang dikemukakan oleh Schon (1987). Sebagaimana arkitek membina pelan rumah untuk memenuhi selera pelanggannya, proses pengajaran guru juga harus dirancang teliti untuk memenuhi citarasa pelanggannya (yakni, murid, masyarakat dan negara). Pada amnya, guru-guru pelatih dan guru baru lebih cenderung mempunyai persepsi yang mementingkan '*control*' sebagai kawalan yang berkesan. Pengalaman dan pemahaman persekitaran menjadikan seorang guru bersikap lebih menyeluruh (*holistic*) dan berfikir semula tentang semua elemen yang berkaitan dan bergabung untuk melahirkan pengurusan kelas yang berkesan. Pendekata, guru yang berkesan ialah guru yang mampu melaksanakan tanggungjawab yang diamanatkan di samping mengekalkan kualiti dan elemen humanistik; bukan menyelesaikan sesuatu masalah melalui pendekatan seorang juruteknik. Ini kerana masalah yang wujud dalam pendidikan tidak mirip dengan masalah teknik tetapi kerap kali melibatkan personaliti guru itu sendiri, dan perlu dihadapi dengan kemahiran *professional artistry*; yakni guru

menganggap cabarannya itu sebagai suatu seni (*art*) dan tidak boleh diselesaikan berpandukan teori-teori dan data empirikal sains semata-mata. Untuk mendapat pengurusan kelas yang berkesan, guru dapat memperoleh pengetahuan mendalam (*insights*) mengenai sesuatu keadaan dengan melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan di bilik darjahnya dan menghadapi sesuatu keadaan dengan cara yang paling berkesan, dengan kemahiran *craftsmanship* sebagai umpan utama yang dimilikinya.

Apakah Tindakan Susulan Guru?

Dalam menilai perlakuan mereka daripada ketiga-tiga perspektif yang diutarakan di atas, guru-guru (baru) kadang-kadang berhadapan dengan konflik dalam diri masing-masing. Ini kadang-kadang menimbulkan rasa kurang yakin dan sangsi terhadap tindakan sendiri. Kajian yang dijalankan oleh Beach & Pearson (1998) ke atas 28 guru pelatih menunjukkan berbagai konflik dan tension yang dialami oleh guru-guru pelatih. Pada mulanya, konflik mereka lebih berarah *teacher-centred* dan beransur-ansur pula lebih menekankan isu-isu murid. Mereka menghadapi berbagai konflik dalam memahami dan mengendalikan kurikulum dan pengajaran, perhubungan sesama murid, rakan sekerja, pihak pentadbir, konsep sendiri dan masalah penyesuaian dan cuba mencari keseimbangan di antara jangkaan pihak pendidik guru dan realiti yang dihadapi di sekolah. Konflik-konflik ini menimbulkan berbagai rasa dan keputusan: sama ada keakuran kepada sistem, meninggalkan sistem ataupun menghadapinya dengan berani. Pada pendapat saya, cara guru-guru menghadapi krisis dan konflik adalah mirip kisah *The Emperor's Clothes* yang ditimbulkan oleh Barrows (1984). Bagi guru-guru yang akur dengan sistem, mereka seperti rakyat jelata yang memuji-muji pakaian raja. Mereka yang berani berhadapan dengan konflik ini secara terbuka diibaratkan sebagai budak kecil di dalam cerita tersebut yang berani menyangkal kedudukan raja yang pada hakikinya tidak mengenakan sebarang pakaian!

Persoalan di sini ialah apakah sebenarnya yang berlaku kepada persepsi guru-guru ini mengenai konsep keberkesanan guru? Guru-guru harus belajar mencari makna sebenar di dalam profesion mereka dan mencari soalan dasar kerjaya mereka, seperti yang diertikan oleh mereka sendiri. Guru-guru harus belajar menggabung *naive and informed beliefs* mereka untuk mencari makna sendiri mengenai apa yang diperlukan untuk melahirkan guru yang berkesan. *Naive beliefs* dan *informed beliefs* diistilahkan oleh Brownlee *et al* (1998) sebagai:

Naive beliefs represent little or no evidence of a theoretical knowledge base and / or represent a lack of relational understanding of a theoretical concept. Informed beliefs are considered to reflect a theoretical knowledge base and a relational understanding of concepts.

Guru-guru pelatih pada mulanya mempunyai persepsi yang idealistik (*naïve beliefs*) mengenai proses pembelajaran. Dalam proses latihan, mereka faham akan kepentingan mengaitkan kepercayaan (*beliefs*) mereka dengan teori amalan (*theory of practice*). Untuk menjadi guru yang efektif, seseorang guru itu harus sedar bahawa kesemua lima orientasi dalam pendidikan guru yang dikemukakan oleh Feimen-Nemser (1990), iaitu Akademik, Teknologi, Praktik, Peribadi, Kritikal / Sosial perlu diberi perhatian dan diperseimbangkan. Justeru, tidak ada satu orientasi yang boleh dianggap lebih penting daripada orientasi yang lain, seterusnya berusaha mencari keseimbangan yang sebaik mungkin.

Implikasi Terhadap Pendidikan Guru

Untuk membolehkan seseorang guru mengalami proses evolusi dengan berkesan dan mantap, adalah disarankan pihak pendidikan guru mengambil beberapa langkah positif untuk menggalakkan proses pengupasan erti guru. Terdapat berbagai cara dan langkah yang boleh diambil oleh guru dan pihak pendidikan guru untuk memantapkan proses evolusi seseorang guru. Dalam mengkaji soal guru yang berkesan, beberapa langkah boleh diambil seperti yang dibincang di bawah.

Perhubungan Mentor-Mentee (*Apprenticeship*)

Salah satu tindakan yang paling penting ialah mewujudkan perhubungan *apprenticeship* (Schon, 1987) di antara pelatih dan pelatih guru, ataupun guru kelas secara *internship* (Friedenberg, 1973). Banyak yang boleh dipelajari melalui hubungan *master-pupil* ini, seperti penilaian terhadap tindakan yang dilakukan dan sebagainya. Pembelajaran dan pengayaan pengalaman guru sebenarnya berlaku apabila mereka dapat membuat refleksi melalui proses *apprenticeship* di dalam keadaan yang sebenar. Proses *praxis* (*practice, reflect and refine*) seperti yang dicadangkan oleh Schon (1987) harus dijadikan amalan seharian guru, yang boleh diamalkan dan direnung bersama mentor. Tabiat ini boleh bermula di peringkat latihan semasa guru menjalani latihan praktik di mana mereka boleh digalakkan menulis pengalaman dan pendapat mereka di dalam jurnal untuk dikongsi bersama *master*. Pembimbing di dalam 'kontrak' ini juga harus dapat membimbing dan membantu mengubah persepsi pelatih kepada keadaan yang sepatutnya. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa konteks bilik darjah sebenar yang bakal dihadapi dan dilalui pelatih di masa kelak tidak dapat diperincikan dan 'diajar', dalam erti kata sebenar. Dengan yang demikian, pembimbing di dalam pendidikan guru hanya berupaya memberi tunjuk ajar dan tidak wajar mengesyorkan (*prescribe*) secara spesifik berkenaan tindakan yang harus dilakukan di dalam bilik darjah. Maka, terpulanglah kepada seseorang guru itu untuk mencari makna sebenar terhadap persoalan asas mengenai

pengajarannya (*personal meaning / theory*) dan mencapai teori tersendiri mengenai pengetahuan isi kandungan pedagogi.

Reflective Practicum

Reflective Practicum juga harus diberi tumpuan di dalam program latihan guru. Ia merupakan latihan dan pendedahan sebenar terhadap keadaan dan realiti bilik darjah dari awal lagi dan tidak patut didedahkan pada peringkat akhir pendidikan guru seperti yang berlaku pada hakikatnya. Schon (1987) menyokong bahawa pendidikan guru perlu menumpukan kepada '*learning by doing*', iaitu menekankan bentuk latihan secara *experiential learning* sebagai asas kurikulum pendidikan guru. Pelatih juga harus didedahkan kepada amalan *reflection* melalui *internal conversations* supaya dapat memahami jiwanya dan meneliti sejauh manakah rasionalnya perlakuan beliau dalam situasi yang sebenar, sebelum dia memahami murid-muridnya. Malah, guru pelatih harus digalakkan untuk bukan sahaja membuat *reflection-in-action* tetapi juga *reflection-on-action*. Ini kerana sesuatu tindakan bukan hanya direnung sebelum dilakukan tetapi juga perlu difikir semula selepas tindakan itu diambil. Proses ini mengkehendaki pemikiran yang mendalam terhadap keadaan hakiki untuk mencari jalan penyelesaian.

Pengetahuan Sains Politik

Pengetahuan sains politik juga perlu digalakkan di peringkat latihan guru untuk memberi pendedahan kepada hubungan antara berbagai pihak. Pengetahuan ini adalah penting bukan untuk menggalakkan pemberontakan oleh pihak guru tetapi kerana bakal guru dapat menggunakan pengetahuan dan ilmu ini dalam kerjayanya yang melibatkan perhubungan dengan berbagai pihak seperti murid, ibu bapa, pentadbiran sekolah, kakitangan sekolah yang lain dan masyarakat keseluruhannya. Guru mempunyai rangkaian *clientele* yang luas dan untuk melaksanakan *negotiation* dengan mana-mana pihak, dia memerlukan kepakaran dalam soal hubungan manusia dan struktur kuasa untuk menangani sesuatu keadaan dengan sebaik mungkin.

Perkongsian Kuasa (*Empowerment*)

Di peringkat latihan juga, guru-guru pelatih harus diberi *empowerment*, iaitu memberi suatu landasan untuk mendengar 'suara' mereka. Guru-guru pelatih boleh dilibatkan di dalam keseluruhan kursus secara aktif, termasuk di dalam *decision-making*. Proses *negotiation* harus bermula di peringkat latihan untuk membawa kesaksamaan (*equality*) di dalam proses pendidikan. Ini kerana guru akan hanya berkongsi kuasa dengan muridnya di bilik darjah dengan berkesan jika dia sendiri mendapat peluang menimba pendidikan dengan cara sedemikian, memandangkan seseorang individu itu kerap kali cenderung mengajar dan

mendidik sebagaimana dia sendiri diajar dan dididik sebelumnya. Bagaimanakah guru akan mendokong prinsip pendidikan yang berpaksikan keperluan pelajar, jika keperluannya sendiri tidak diambil kira semasa peringkat latihan? Situasi sedemikian kerap kali menimbulkan keadaan *vicious cycle* yang sukar diperbaiki kerana ia menular melalui arus pendidikan sebagai sebuah litar yang memudaratkan.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, kita boleh membuat kesimpulan bahawa guru-guru yang menjurus menyelami kerjaya mereka pasti mengalami perubahan di dalam persepsi mereka, dari *naïve beliefs* kepada *informed beliefs* melalui proses pematangan dan evolusi yang mantap. Berbagai konflik dan tension yang dihadapi mampu ditangani dengan pendekatan yang berbeza. Walau bagaimanapun, makna sebenar mengenai persoalan keberkesanan pengajaran hanya akan dicapai apabila guru-guru ini mula membuat *reflection* dan didedahkan kepada keadaan sebenar di bilik darjah. Ini kerana mereka tidak boleh diberi sebarang formula atau penawar am untuk menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran kerana setiap keadaan dan konteks bilik darjah dan murid adalah berbeza-beza. Oleh itu, guru harus menggunakan kepakarannya dalam perhubungan manusia, pengetahuan subjek serta kemahiran mengajar yang berbentuk *user-friendly* dengan mengambil kira keperluan pelajar untuk mencari makna kepada *pedagogical content knowledge* masing-masing.

Pendek kata, konsep guru berkesan ialah sesuatu yang terdiri dari gabungan banyak kemahiran dan pengetahuan seperti yang diutarakan oleh Patrick & Smart (1998):

Teacher effectiveness is multi-dimensional in nature, comprising three factors; respect for students, ability to challenge students, organisation and presentation skills. (p. 165)

Akhirnya, ia bergantung kepada individu itu sendiri untuk melalui proses evolusi mengikut acuan tersendiri bagi mencari makna tersendiri (*personal meaning*) selepas melalui tempoh latihan dan mula bertugas, tanpa menghilangkan naluri kemanusiaannya sebagai seorang insan yang bergelar pendidik.

Rujukan

Armstrong, D.G. & Savage, T.V. (1998). *Teaching in the secondary school*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.

Barrows, R. (1984). *Giving teaching back to the teachers*. Ontario: The Althouse Press.

- Beach, R & Pearson, D. (1998). Changes in preservice teachers' perceptions of conflicts and tensions. *Teaching and teacher education*. **14**(3), 337-351.
- Brownlee, J., Dart, B., Boulton-Dewis, G., & McCrindle, A. (1998). The integration of preservice teachers' naïve and informed beliefs about learning and teaching. *Asia-Pacific journal of teacher education*. **26**(2), 107-121.
- Feimen-Nemser, S. (1990). Teacher preparation: Structural and conceptual alternatives. In: Houston, R. W., Buchmann, M, Melnick, S, Parker, M.B. (Eds.) *Handbook of research in teacher education*. Michigan: MacMillan. pp 212-226.
- Friedenberg, E.Z. (1973). Critique of current practice. In: McCarty, Donald, J and Associates. *New perspectives on teacher education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers. pp. 25-39
- Patrick, J. & Smart, R. (1998). An empirical evaluation of teacher effectiveness : the emergence of three critical factors. *Assesment & evaluation in higher education*. **23**(2), 165-179.
- Schon, D. A. (1987). *Educating the reflective practitioner*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Wilson, S. & Cameron, R. (1996). Student teacher perceptions of effective teaching: A developmental perspective. *Journal of education for teaching*. **22**(2), 181-196.
- Yates, G.C.R. & Yates, S.M. (1990). Teacher effectiveness research: Towards describing user-friendly classroom instruction. *Educational psychology*, **10**(3), 225-239.

NAGINDER KAUR A/P SURJIT SINGH, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Perlis.
E-mail: ninder@perlis.uitm.edu.my